

Luar bandar turut hadapi isu kos sara hidup, pendapatan rendah

• Kenaikan kos sara hidup di negara ini pada masa kini sudah begitu meruncing hingga tidak lagi dapat dibezakan dari segi lokasi

• Selain perbelanjaan, aspek penting perlu ditumpukan adalah aspek pendapatan, iaitu bagaimana pendapatan rakyat dapat ditingkatkan



Oleh Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin
bhrencana@bh.com.my

Tidak dapat dinafikan, ekonomi Malaysia pascapandemik COVID-19 berdepan pelbagai cabaran memerlukan penyelesaian struktural dan menyeluruh, antaranya kenaikan kos sara hidup semakin meruncing dari semasa ke semasa.

Selasa lalu, buku *Belanjawanku: Panduan Perbelanjaan Untuk Individu dan Keluarga di Malaysia: Lembah Klang & Bandar-Bandar Pilihan 2022/2023*, iaitu kajian daripada Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial (SWRC) Universiti Malaya (UM) diterbitkan Kumpulan

Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dilancarkan.

Buku *Belanjawanku* ini memberikan panduan perbelanjaan atau anggaran perbelanjaan minimum di 12 bandar pilihan dikaji. Ia memberikan definisi apa dimaksudkan dengan gaya hidup wajar, apakah komponen perbelanjaan selalu dibuat isi rumah dan akhirnya bagaimana buku ini dapat membantu untuk mengatasi masalah kos sara hidup individu dan rakyat ketika ini.

Bagaimanapun, buku ini juga menyatakan dengan jelas bahawa ia 'tidak seharusnya dilihat sebagai piawai untuk apa yang perlu dibelanjakan' dan hanya 'memberikan garis panduan untuk perbelanjaan minimum yang anda perlu'.

Inisiatif untuk menerbitkan buku seperti ini sememangnya dialu-alukan dalam usaha bersama untuk mengatasi masalah kos sara hidup di negara ini. Sememangnya menyelesaikan masa-

lah kos sara hidup ini memerlukan pendekatan menyeluruh, membabitkan semua pihak dan bukan bergantung kepada kerajaan semata-mata.

Melihat kepada data dan maklumat disampaikan dalam *Belanjawanku*, jelas bahawa isu kos sara hidup ini adalah masalah benar dan begitu membebankan rakyat bagi setiap komponen perbelanjaan yang dikaji.

Namun, tidak dapat, persoalan boleh ditimbulkan dari segi komponen perbelanjaan lazim diletakkan dan anggaran jumlah diperuntukkan. Adakah lagi gambar cuba ditunjukkan bahawa kepadatan kos sara hidup di kawasan bandar adalah lebih tinggi daripada di luar bandar.

Adakah ini yang benar-benar berlaku di luar sana? Sememangnya, perlu ada lagi kajian lebih terperinci berkaitan dengan isu ini.

Bagi saya, kenaikan kos sara hidup di negara ini pada masa kini sudah begitu meruncing hingga ia tidak lagi dapat dibezakan dari segi hakikatnya rakyat di luar bandar juga menghadapi masalah kos sara hidup amat dahsyat ketika ini.

Faktor utama aspek pendapatan

Antara faktor utamanya adalah dari aspek pendapatan. Walaupun mungkin aspek perbelanjaan itu dilihat agak tinggi di kawasan bandar, dari aspek pendapatan, di kawasan bandar juga mempunyai pendapatan secara relatifnya lebih tinggi daripada jumlah pendapatan diperolehi di luar bandar.

Ini secara keseluruhannya akan memberikan gambaran lebih menyeluruh berkaitan dengan kos sara hidup, terutama untuk perbandingan antara kawasan di bandar dan juga di luar bandar.

Jika dilihat dari segi data ditunjukkan dalam *Belanjawanku*, isu agak kompleks juga dapat dilihat dari segi definisi gaya hidup wajar itu sen-

diri. Maksud 'mempunyai wang yang secukupnya' ini juga subjektif dan relatif.

Jika dilihat di kawasan Lembah Klang sekali-pun, adakah empat sekeluarga yang mendapat gaji RM6,890 sebulan dapat hidup selesa? Adakah utiliti RM330 itu cukup jika penghawa dingin digunakan? Adakah penggunaan penghawa dingin dilihat sebagai barangan mewah dalam keadaan cuaca begitu panas ketika ini?

Bagaimana pula dengan kategori pemberian wang kepada ibu bapa yang tidak diletakkan dalam komponen perbelanjaan terbabit? Bagi individu bujang tinggal di Lembah Klang, adakah sewa bilik RM370 akan memberikan mereka sebuah gaya hidup 'wajar'? Adakah tinggal di sini mempunyai tilam tanpa katil misalnya? Adakah komponen makanan RM610 bagi yang tinggal di Lembah Klang ini memberikan mereka nutrisi dan penjagaan kesihatan sepatutnya?

Aspek perbelanjaan

Apatah lagi jika dilihat aspek perbelanjaan di luar Lembah Klang. Mungkin juga sukar untuk kita nak membuat generalisasi kawasan ini. Misalnya di Kelantan, ada sesetengah kawasan juga mempunyai kos kehidupan agak tinggi seperti di kawasan Kubang Kerian, barang makanannya juga agak mahal.

Begitu juga misalnya saya yang tinggal di Kedah. Sebagai seorang bapa mempunyai dua anak, agak sukar sebenarnya untuk mendapatkan perumahan pada kadar bayaran ansuran bulanan RM580 sebulan. Hal ini berlaku di Jitra, bagaimana pula di kawasan seperti Alor Setar?

Begitu juga dengan makanan sama ada makan di luar ataupun di rumah. Hakikatnya, barang keperluan seperti telur dan ayam, sudah menjadi mahal harganya tidak mengira lokasi, sama ada di Lembah Klang ataupun di luar wilayah berkenaan.

Begitu juga anggaran aspek perbelanjaan dilakukannya di Kota Kinabalu yang dengan pendapatan RM5,840, berkahwin dengan dua anak, agak sukar untuk mencapai kehidupan selesa ketika ini.

Jadi, seperti yang disebutkan, selain perbelanjaan, satu lagi aspek penting perlu ditumpukan dalam usaha kita untuk bersama-sama mengatasi cabaran kos sara hidup ini adalah aspek pendapatan, iaitu bagaimana pendapatan rakyat dapat ditingkatkan.

Kerajaan boleh berperubahan dengan memacu yang dilihat lembap ketika ini serta meningkatkan tahap produktiviti negara. Selain itu, pemerkasaan dalam aspek literasi kewangan juga sangat penting supaya rakyat mengetahui ada cara lain untuk meningkatkan pendapatan mereka selain bekerja mendapat gaji semata-mata.

Mereka juga boleh mencari sumber pendapatan lain seperti pendapatan portfolio atau pendapatan pasif untuk meningkatkan pendapatan mereka tanpa perlu bekerja lebih masa. Selain itu, aspek keusahawanan juga perlu ditekankan.

Ini kerana apabila pendapatan dapat ditingkatkan melebihi peningkatan dalam perbelanjaan kehidupan, masalah isu kos sara hidup dapat diselesaikan.

